



# Pembinaan hospital pengajar USIM di Kota Tinggi dimulakan 2024

Oleh [Izz Laily Hussein](#) - Oktober 22, 2023 @ 11:58am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

JOHOR BAHRU: Fasa pertama pembinaan Hospital Pengajar Universiti (HPU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Sedili, Kota Tinggi, dekat sini, dijangka bermula tahun depan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata peruntukan projek itu yang bernilai kira-kira RM938 juta diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2024 baru-baru ini.

Katanya, projek berkenaan yang membabitkan dua fasa dijangka mengambil masa kira-kira lima tahun untuk disiapkan pembinaannya.

"Kita pilih Kota Tinggi kerana sebagai HPU, kita perlu ada 'catchment area' berbeza kerana HPU ini bertujuan melakukan penyelidikan terhadap penyakit- penyakit di kawasan sekeliling.

"Jadi, jika ia dibina di Lembah Klang yang sudah mempunyai tiga HPU, kemungkinan besar pesakit yang dirawat sakitnya hampir sama.

"Tetapi, jika di sini (Kota Tinggi), kita akan tahu penyakit yang dihidapi oleh nelayan, orang FELDA, orang kampung dan sebagainya. Jadi penyelidikan boleh dibuat dan ia akan menambah pengetahuan HPU itu sendiri.

"Bukan satu yang memerlukan jika HPU tidak terletak di sebelah universiti itu sendiri kerana HPU yang ada sekarang juga tidak terletak di sebelah universiti masing-masing, memandangkan kita mengambil kira 'catchment area', " katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Majlis Libat Urus Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Bersama Media Zon Selatan di sini, malam tadi.

Hadir sama Presiden Kelab Media Johor, Mohamad Fauzi Ishak dan Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Mohamed Khaled berkata, USIM kini adalah antara 10 universiti awam di Malaysia yang mempunyai Fakulti Perubatan, namun belum mempunyai HPU sendiri.

Katanya, dengan pembinaan HPU berkenaan, ia melengkapkan ekosistem pendidikan perubatan di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara.

"Selepas ini semua IPTA yang mempunyai Fakulti Perubatan ada HPU masing-masing sekali gus membolehkan ia melahirkan pakar-pakar melalui pengajiannya.

"Jika tiada HPU, maka mereka hanya menghasilkan doktor biasa sahaja. Sebab itu HPU ini penting supaya membolehkan mereka membangun dan mengembangkan peranan mereka," katanya.



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (belakang, tengah) bersama penerima Sijil Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dalam kalangan anak-anak Ahli Kelab

Media Johor pada Majlis Libat Urus KPT Bersama Media Zon Selatan di Johor Bahru, malam tadi. Hadir sama Presiden Kelab Media Johor, Mohamad Fauzi Ishak (belakang lima kanan) dan Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Ahmad Dasuki Abdul Majid (belakang lima kiri). - Foto NSTP/ Izz Laily Hussein